

UMS mahu terlibat dalam penyelidikan bersama Jabatan Penyiaran

UB 20.3.2014 B1

Oleh S. CONNIE PEARL SUIL

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berharap dapat melibatkan

kerjasama Jabatan Penyiaran atau jabatan berkaitan dalam bidang kajian dan penyelidikan.

Dekan Sekolah Sains Sosial Prof Dato' Mohd Hamdan Adnan berkata, sebagai institusi pengajian awam, UMS khususnya Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan mempunyai kepakaran khusus dalam penyelidikan.

"Hasil kajian yang dibuat nanti dapat membuka ruang untuk menambah nilai program sedia ada berdasarkan penemuan yang

diperolehi dalam sesuatu kajian yang dilaksanakan.

"Dengan adanya kerjasama ini, saya yakin akan wujud sinergi di antara kedua entiti untuk berusaha lebih gigih dalam usaha membuat penyelidikan lebih komprehensif yang dapat menyumbangkan kepada kedua-dua organisasi," katanya dalam ucapan perasmianya pada seminar pembangunan komunikasi awam Sabah, di Kota Kinabalu kelmarin.

Hamdan juga berpendapat usaha dalam memasyarakatkan program dan aktiviti Jabatan Penyiaran, Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) khususnya dalam kalangan penuntut institut pengajian tinggi penting dalam mendapat

pemahaman yang lebih mendalam.

Dalam pada itu katanya, seminar yang diadakan itu adalah semena perayaan 20 tahun UMS bagi membincangkan peranan Kementerian Penerangan dan Multimedia sebagai penyampai dan penyebar maklumat rasmi kerajaan yang perlu diketahui masyarakat umum.

Katanya, pengurusan media massa dan maklumat kerajaan adalah penting kerana sekiranya gagal ditangani organisasi media sewenang-wenangnya bebas membuat tafsiran yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat majmuk.

"Ini adalah amat penting kerana pada masa sekarang banyak maklumat yang disebarkan khususnya melalui media sosial mengandungi maklumat



SEBAHAGIAN peserta yang hadir pada seminar terbabit.

atau berita-berita yang masih dipersoalkan kesahihannya.

"Contohnya media seperti BBC, CNN, Al Jazeera pada ketika ini banyak memaparkan liputan negatif kepada misi pencarian pesawat MH370 yang hilang sehinggakan China menganggap Malaysia tidak berterus terang.

"Jadi ini menjadi cabaran

kepada berita contohnya RTM serta perlunya kepakaran komunikasi yang hebat contohnya pegawai-pegawai kita yang bertugas di China untuk menyampaikan maklumat kepada keluarga mangsa," katanya.

Hamdan juga tidak menafikan kemunculan media sosial adalah satu fenomena yang memberikan sumbangan

positif kepada transformasi minda dan paradigma seseorang untuk menjadi dinamik dan proaktif.

"Bagaimanapun, kita harus berhati-hati dan bijaksana menanganinya kerana ia boleh menjadi 'senjata makan tuan' yang bukan sahaja merugikan diri sendiri tetapi juga merugikan negara," tegasnya.